

Amal cara berfikir kelas pertama



Tarikh 16 Disember 2016 adalah detik bersejarah bagi negara apabila ikon terbaru sistem pengangkutan awam negara iaitu Transit Aliran Massa (MRT) memulakan operasinya untuk pertama kali kepada orang ramai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan perkhidmatan secara percuma selama sebulan dan orang ramai berpu-su-pusu mencuba tren berkenaan.

Kerajaan berupaya melaksanakan projek mega itu dengan kos lebih rendah iaitu RM21 bilion berbanding peruntukan yang disediakan, RM23 bilion.

Bagi fasa pertama laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) dari Sungai Buloh ke Semantan merangkumi 12 stesen, sebanyak 112 bas pengantar disediakan di stesen yang meliputi jarak sejauh 256.3 kilometer (km) dengan laluan termasuk kawasan tumpuan seperti KL Sentral, Lapangan Terbang Subang dan juga kawasan perumahan dengan jumlah penduduk yang ramai seperti di Subang Bestari dan Kota Damansara.

Stesen terbabit adalah Sungai Buloh, Kampung Selamat, Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr Ismail, Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara dan Semantan.

Fasa kedua sepanjang 30km membabitkan 19 stesen dari Semantan ke Kajang hampir 95 peratus siap.

Orang ramai yang mencuba pengangkutan awam terbaru itu rata-ratanya teruja dan berpuas hati dengan tren baru yang lebih lebar serta luas berbanding Transit Aliran Ringan (LRT).

Cuma ada beberapa insiden yang perlu diperbaiki dan dielakkan oleh MRT Corp bagi memastikan kelancaran sistem rel berkenaan apabila ia beroperasi sepenuhnya pada 17 Januari ini.

Rakyat kini mempunyai lebih banyak pilihan untuk berurusan di Lembah Klang dan kawasan sekitarnya.

Dengan siapnya fasa pertama itu, Malaysia kini memiliki satu lagi mercu tanda pengangkutan awam bertaraf

dunia untuk kemudahan orang ramai.

Bagi minggu pertama operasi fasa pertama MRT SBK, kira-kira 210,000 penumpang menggunakan perkhidmatan itu yang membuktikan penerimaan serta ketertarikan orang ramai terhadap kemudahan itu.

Persoalannya kini adakah dengan siapnya MRT berkenaan rakyat Malaysia masih lagi dibelenggu dengan 'pemikiran kelas ketiga' setiap kali kemudahan ikonik negara bertaraf dunia mula beroperasi.

Mengapa rakyat negara ini khususnya warga kota sering dilabelkan sebagai 'bermentaliti kelas ketiga'?

Ya kerana ada sebahagian besar rakyat sebelum ini gagal menggunakan tahap pemikiran ke tahap maksimum sebagaimana minda rakyat di negara maju.

Bukan sekadar itu, malah mereka berfikiran sempit, degil, 'kepala batu', tidak mahu berubah dan sukamenerima sesuatu kemajuan serta pembaharuan yang boleh mencatatkan peranca-

ngan pembangunan negara.

Sebagai contohnya, ada rakyat negara ini yang gemar membuang sampah merata-rata, merosakkan harta awam, tidak gemar beratur, suka memotong barisan, dengki dengan kejayaan orang lain, bekerja hanya semata-mata untuk wang bukan disebabkan minat atau bakat dan gemar pada hiburan semata-mata selain menolak sesuatu yang bersifat pendidikan.

Sikap negatif seperti itulah yang meletakkan tahap rakyat negara ini pada tahap pemikiran paling bawah tidak selari dengan kemajuan negara yang menyediakan prasarana kelas dunia.

Islam juga melarang umatnya daripada terus jumud dan menolak kemajuan selagi ia tidak bertentangan dengan perintah Allah SAW.

Cita-cita kerajaan untuk memastikan bandar utama negara terus berkembang pesat dan mencapai kualiti kehidupan yang tinggi seperti bandar terkenal dunia Tokyo, London, Paris dan Sydney.

Kerana itu, Perdana Menteri yang berpeluang melawat bandar utama dunia membuat kesimpulan bahawa persamaan antara semua bandar raya terbabit ialah sistem pengangkutan awam mereka yang amat efisien serta moden dengan rangkaian dan kesalinghubungan mengagumkan antara pengangkutan awam yang ditunggangi sistem rel dan bas.

Beliau menekankan penambahbaikan pengangkutan awam sedia ada kepada sistem yang lebih moden, efisien dan bersepadu menjadi fokus utamanya.

Tiada bandar di dalam dunia yang boleh terus berkembang tanpa pengangkutan awam yang cekap.

Pengantungan kepada kenderaan persendirian bakal mengakibatkan keadaan menjadi begitu sesak dan sempit selain merimaskan penduduk dalam sesebuah bandar.

Walaupun Malaysia terutama Kuala Lumpur dan Lembah Klang sudah mempunyai sistem pengangkutan awam dengan beberapa jaringan transit yang menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, terdapat banyak masalah serta ruang penambahbaikan

yang boleh dilakukan.

Sistem rel negara sebelum ini tidak bersepadu dengan kesalinghubungan yang lemah antara sistem, perkhidmatan tidak menepati masa dan rangkaian tidak mencukupi selain juga masalah legasi seperti perjanjian konsesi berat sebelah dan sebagainya perlu diselesaikan.

Malah lebih daripada itu, ia juga gagal mengambil kira kawasan berkepadatan tinggi dan hubungan dengan kawasan perumahan.

Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk mengemudi Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara, sebuah pelan komprehensif 20 tahun untuk mengubah pengangkutan awam negara menjadi pengangkutan awam kelas pertama.

Antara projek utamanya ialah MRT. Projek itu untuk rakyat. Ia projek yang bakal mengubah gaya hidup rakyat kepada yang lebih moden dengan pengangkutan awam menjadi norma dalam kehidupan seharian dan digunakan oleh semua peringkat tidak kira yang miskin atau kaya.

Pembinaannya bukan sekadar sebuah projek prasarana, tetapi sebuah projek yang dirangka dengan memikirkan pengguna iaitu rakyat semuanya sebagai kriteria paling utama sebagai sebuah projek infra rakyat.

Justeru, amat penting untuk rakyat berubah kepada mentaliti atau minda kelas pertama selari dengan pembangunan serta kemajuan negara hari ini.

Kemudahan infra yang ada hanyalah secebis daripada ciri-ciri negara maju yang Malaysia idam-idamkan. Jadilah kita rakyat memiliki ciri-ciri modal insan yang mampu memenuhi keperluan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia.

Memetik kata-kata Tun Abdullah Ahmad Badawi bahawa masyarakat berminda kelas pertama adalah yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral.

Selain itu, mereka tahu menghayati dan menghargai budaya, kesenian dan warisan serta sejarah negara, bangsa serta agamanya.

"Identiti nasionalnya kekal terserlah melalui pembinaan

jati diri yang kukuh dan tidak mudah dihanyutkan oleh arus globalisasi. Prinsip kepercayaan kepada Tuhan dan kesetiaan kepada raja dan negara senantiasa dijunjung," kata bekas Perdana Menteri itu.

Banyak lagi prasarana kelas dunia akan dibangunkan dalam konteks pengangkutan awam seperti Kereta api Berkelajuan Tinggi (HSR) sepanjang 350km menghubungkan Kuala Lumpur-Singapura serta Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRI) menghubungkan Kuala Lumpur dan Tumpat, Kelantan melalui Kuantan, Pahang dan Dungun, Terengganu sepanjang 620km.

Malah, jajaran LRT juga akan dilanjutkan dalam projek LRT 3 Bandar Utama Klang dijadual bermula pada Ogos 2020 selepas Sri Petaling ke Putra Heights melalui Kinrara Puchong yang beroperasi sejak Mac, diikuti laluan sepanjang 17.4km bagi Kelana Jaya- Putra Heights pada Jun.

Rakyat seharusnya bersedia dan berubah mentaliti mereka untuk memanfaatkan semua kemudahan berkenaan demi untuk membangunkan ekonomi negara.